

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah persediaan yang telah Kementerian tetapkan jika negara berdepan dengan gelombang kedua COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semenjak awal penularan COVID-19 lagi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil pelbagai tindakan bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan respon dalam menangani wabak ini, antaranya dengan meningkatkan kapasiti fasiliti kesihatan dan peralatan perubatan untuk merawat pesakit, memastikan bekalan ubat sentiasa mencukupi, kesediaan makmal pada suatu tahap yang optimum bagi melaksanakan ujian pengesanan COVID-19 serta penubuhan pusat kuarantin dan rawatan berisiko rendah.

2. Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 sebagai langkah proaktif untuk mengawal penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Pada ketika ini walaupun fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilonggarkan dengan peralihan kepada fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan kini kepada fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), namun ini tidak

bermaksud kapasiti dan tahap kesiapsiagaan yang telah diperkukuhkan di peringkat KKM turut sama dilonggarkan. Tren kejadian jangkitan COVID-19 di Malaysia mahupun di peringkat antrabangsa terus dipantau rapi bagi memastikan situasi penularan jangkitan, khususnya di negara ini adalah sentiasa dalam keadaan yang terkawal.

3. Menyedari hakikat itu, Kementerian Kesihatan mengambil inisiatif memperkasakan komuniti melalui pendekatan "**Cegah dan Didik, Amal, Patuh dan Pantau**" (CAPP), bagi mendidik masyarakat supaya lebih bertanggungjawab dan membolehkan rakyat sendiri menjadi barisan hadapan dalam melindungi diri, keluarga dan masyarakat setempat daripada penularan COVID-19. CAPP adalah sebahagian daripada aktiviti dalam **Program Pengurangan Risiko Daerah COVID-19** (*Disaster Risk Reduction Programme*; DRRP) yang bertujuan melindungi daerah hijau agar bebas daripada jangkitan COVID-19 dan menukar daerah kuning kepada daerah hijau dalam tempoh 14 hari. Ia juga selari dengan salah satu dari tujuh (7) strategi yang telah digariskan bagi pelaksanaan PKPP – iaitu "Pemeriksaan Tanggungjawab Komuniti". Pendekatan CAPP dan DRRP perlu dilaksanakan secara menyeluruh di lapangan kerana jangkitan COVID-19 merupakan ujian sebenar terhadap tahap disiplin sendiri dan tanggungjawab sosial ahli masyarakat.

4. Bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaan inisiatif CAPP dan DRRP ini, **kerjasama dan komitmen dari Kementerian dan Agensi** lain amat diperlukan. Justeru, Program Kesedaran dan Pemeriksaan Komuniti Bagi Menangani COVID-19 akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada penghujung bulan Julai 2020.

5. Sejak awal Jun 2020, saya bersama pegawai-pegawai Kanan KKM telah membuat *roadshow* bertemu YB Menteri Besar dan Ketua Menteri bagi mendapatkan komitmen negeri. Sehingga kini 12 buah negeri telah diberikan taklimat mengenai Program Kesedaran dan Pemeriksaan Komuniti Bagi Menangani COVID-19. Selain itu, Pegawai Kesihatan Daerah juga telah beri taklimat dan amanat untuk memasukkan perkara ini dalam Mesyuarat Tindakan Daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.